

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
(SETIU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2014

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membolehkan setiap pencarum KWSP untuk didaftarkan secara automatik di Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memudahkan proses Pendaftaran Pembayar Cukai dilakukan.

JAWAPAN

Buat masa ini, KWSP tiada perancangan untuk mendaftarkan setiap pencarum KWSP secara automatik di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, KWSP bersedia bekerjasama dengan Lembaga Hasil

Dalam Negeri (LHDNM) sekiranya Kerajaan mewajibkan semua pekerja membayar cukai.

Pendaftaran fail cukai pendapatan individu oleh LHDNM adalah melalui tiga kaedah:

1. Pendaftaran secara manual atas permohonan pembayar cukai sendiri di kaunter LHDNM; atau
2. Pendaftaran secara dalam talian melalui e-Daftar di Laman Sesawang LHDNM; atau
3. Pendaftaran berdasarkan maklumat dari majikan dan maklumat pihak ketiga.

Cadangan pendaftaran automatik fail cukai pendapatan bagi pencarum KWSP tidak dapat dilakukan kerana bukan semua pencarum KWSP layak dikenakan cukai. Namun demikian, setiap pekerja yang layak dikenakan cukai wajib dilaporkan oleh majikan untuk didaftarkan fail cukai pendapatan seperti kaedah 3 di atas.